

**UCAPAN PERASMIAN
YANG BERUSAHA EN. HAMZAH BIN MOHAMAD
PENGARAH
JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SARAWAK
DI**

**MAJLIS PERASMIAN SAVE OZONE VIRTUAL RIDE SEMPENA
SAMBUTAN HARI OZON SEDUNIA & ENVIRO VIRTUAL RUN
SEMPENA SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA PERINGKAT
NEGERI SARAWAK TAHUN 2020**

**17 OKTOBER 2020 (SABTU)
BORNEO CONVENTION CENTRE, KUCHING**

(Salutasi)

Selamat Pagi Dan Salam Sejahtera,

1. Terlebih dahulu saya memanjatkan rasa syukur yang tidak terhingga kerana pada hari ini dengan izin dan limpah kurniaNYA dapat kita berkumpul di Majlis Perasmian Save Ozone Virtual Ride Sempena Sambutan Hari Ozon Sedunia & Enviro Virtual Run Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Sarawak Tahun 2020. Syabas dan tahniah kepada semua ahli jawatankuasa pelaksana yang bertekad dalam menjayakan penganjuran program ini yang sememangnya sangat signifikan dengan keperluan masyarakat pada masa kini.

2. Di kesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada pihak Sarawak Energy Berhad atas kerjasama untuk bersama-sama menjayakan program pada kali ini dan semua pihak yang terlibat yang memberikan sokongan padu di dalam menjayakan program kesedaran alam sekitar.

Tuan-tuan dan Puan-Puan sekalian

Sambutan Hari Ozon Sedunia

3. Hari Ozon Sedunia telah diistiharkan pada 16 September oleh PBB pada tahun 1994. Tema pada tahun ini adalah, '*Ozone for life: 35 Years of Ozone Layer Protection*' mengingatkan kita bahawa ozon bukan sahaja penting untuk kehidupan di bumi, tetapi kita perlu meneruskan usaha melindungi lapisan ozon untuk generasi akan datang. Bersempena dengan Sambutan Hari Ozon Sedunia Peringkat Negeri Sarawak Tahun 2020, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak telah merancang beberapa program iaitu:-
 - a) Program Kesedaran Perlindungan Lapisan Ozon dan Kesejahteraan Keluarga dengan kerjasama Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negeri Sarawak (LPPKN) yang telah diadakan pada 27 September 2020 di Dewan Masyarakat Kampung Beladin. Di antara pengisian program adalah ceramah ozon, kuiz, demonstrasi pengujian pelepasan gas dari kenderaan petrol & penghawa dingin kenderaan, ceramah dari LPPKN, pameran dan tayangan video; dan

- b) 'Program Save Ozone Virtual Ride' dengan kerjasama Sarawak Energy Berhad iaitu aktiviti berbasikal secara maya atau realiti sejauh 50KM (Ride) dengan cara norma baru bersesuaian dengan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dan mengikut Prosedur Operasi Standard ditetapkan. Program adalah terbuka kepada orang awam. Peserta telah mendaftar secara online dengan penyertaan seramai 80 orang, dan tempoh berbasikal bermula 22 Ogos sehingga 6 September 2020. Dengan menggalakkan masyarakat untuk berbasikal boleh mengurangkan pelepasan gas dari kenderaan bermotor yang menjadi ground level ozon yang membahayakan kesihatan.

Tuan-tuan dan Puan-Puan sekalian

Sambutan Hari Alam Sekitar Negara

4. Hari Alam Sekitar Negara yang jatuh pada 21 Oktober setiap tahun dengan tema 'Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama' pula merupakan satu penjenamaan semula dan inisiatif penambahbaikan daripada penganjuran Minggu Alam Sekitar Malaysia pada tahun-tahun sebelum ini. Sambutan Hari Alam Sekitar Negara pada hari yang istimewa ini bertujuan untuk mengajak seluruh masyarakat agar sama-sama meraikan semangat kecintaan kepada alam sekitar.

5. Bersempena dengan Sambutan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Sarawak Tahun 2020, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak juga telah merancang beberapa program iaitu:-

- a. Program "HASN Virtual Run 2020" dengan kerjasama Sarawak Energy Berhad iaitu aktiviti larian maya bebas sejauh 7km dengan cara norma baru, dimana jua peserta berada bersesuaian dengan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dan mengikut Prosedur Operasi Standard ditetapkan. Program adalah terbuka kepada orang awam. Peserta telah mendaftar secara online dengan jumlah penyertaan sebanyak 100 orang, dan tempoh larian bermula 17 Ogos sehingga 4 September 2020;
- b. Program "HASN – Tahukah Anda?" yang juga merupakan kerjasama dengan Sarawak Energy Berhad di mana temubual dengan beberapa responden yang terdiri daripada orang awam telah dijalankan bagi mengetahui pengetahuan mereka mengenai sambutan Hari Alam Sekitar Negara serta bertujuan mewar-warkan sambutan Hari Alam Sekitar Negara kepada orang awam. Promosi kempen hindari plastik sekali guna turut dilaksanakan semasa program ini.
- c. Kempen Pengumpulan Buangan Elektrikal Dan Elektronik dengan kerjasama Syarikat GVE Strategic Waste Sdn. Bhd. yang telah diadakan pada 3 Oktober 2020 di Metro City Matang. Sebanyak 35MT Buangan Elektrikal Dan Elektronik

telah berjaya dikumpul dalam program tersebut. Kempen ini bertujuan meningkatkan kesedaran dan kefahaman orang awam mengenai sistem pengurusan buangan peralatan elektrik dan elektronik (e-waste) di Malaysia. Kempen tersebut turut disertai oleh Agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri, Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta, Sekolah, industri dan orang awam. Selain di Metro City Matang, Kuching, Kempen Pengumpulan Buangan Elektrikal Dan Elektronik turut dirancang diadakan di :

- i. Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak (IPGTAR) pada 31 Oktober 2020; dan
 - ii. Bahagian Bintulu pada 7 hingga 8 November 2020.
- d. Program kolaborasi bersama Syarikat Trienekens (Sarawak) Sdn.Bhd. yang merangkumi Pertandingan Kuiz Radio, Pertandingan Mewarna bersama murid-murid Tabika, Pertandingan Reka Cipta Video Alam Sekitar dan Pertandingan Reka Cipta Bahan Baru Daripada Bahan Buangan. Majlis Perasmian program akan diadakan pada 31 Oktober 2020 di Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak (IPGTAR).

- e. Bengkel Promosi Sekolah Lestari – Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) di Bahagian Kuching yang dicadangkan pada 12 - 13 November 2020. Program SLAAS bertujuan membentuk persekitaran sekolah yang menitikberatkan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Tuan-tuan dan Puan-Puan sekalian

Apa Yang Boleh Kita Lakukan?

6. Oleh itu, saya ingin menyeru agar semua hadirin sekalian supaya mengambil inisiatif untuk mula memainkan tanggungjawab masing-masing dan lebih komited dalam menjaga dan memelihara alam sekitar di Negeri Sarawak. Mulakannya dengan amalan kita sendiri. Antara usaha yang boleh diambil adalah membawa beg sendiri apabila membeli-belah, mengurangkan atau menghentikan penggunaan botol plastik sekali guna, pembungkus makanan plastik/ beg plastik dan straw plastik dan menggantikan dengan produk serta bahan yang lebih mesra alam. Selain itu, berkongsilah kenderaan atau gunakan pengangkutan awam untuk mengurangkan pelepasan asap ke udara. Saya juga ingin menyeru orang ramai untuk mengurangkan penggunaan bahan yang mengandungi bahan pemusnah ozon (*ozone depleting substance*) seperti botol semburan racun serangga, alat penghawa dingin di rumah, bangunan dan kenderaan dan juga peti sejuk. Apabila membeli peralatan baru, semak peralatan yang mempunyai label '*ozone friendly*', *hydrofluorocarbon free (HCFC free)* atau '*energy efficient*'.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

Penghargaan Dan Harapan

7. Pada tahun ini, kerjasama dalam keadaan harmoni demi kebaikan bersama menjadi sangat penting terutama dalam keadaan pandemik Coronavirus yang telah membawa pelbagai kesusahan dari segi sosial dan ekonomi. Lanjutan itu saya berharap dan menggalakkan tuan-tuan dan puan-puan terlibat lebih proaktif dalam program komuniti tempatan seperti Rakan Alam Sekitar (RAS) dan MoU-Rakan Strategik Alam Sekitar yang akan bertindak sebagai mata dan telinga membantu dan memudahkan agensi-agensi berwajib memantau aktiviti pencemaran dan menguruskan sumber asli negara dengan lebih cekap. Akhir kata, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan terima kasih dan syabas kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penganjuran program hari ini.

8. Dengan ini saya berbesar hati merasmikan Majlis Perasmian Save Ozone Virtual Ride Sempena Sambutan Hari Ozon Sedunia & Enviro Virtual Run Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Sarawak Tahun 2020.

Syabas sekali lagi diucapkan dan terima kasih.

Sekian, wabillahi taufik wal hidayah assalamualaikum w.b.t.